Kewajipan dan Tanggungan Kita Kepada Masyarakat

Amalan Bertolong Bantu dalam Kebaikan Bersama

Keadaan hidup kita hari-hari banyak mengalami gangguan, kerana berbagai-bagai sebab, seperti perbuatan yang curang dari orang lain, keburukan perjalanan pemimpin, tempangnya keadaan iqtiṣād, dan lain-lain.

Sebab itu banyak sekali dijumpai saudara-saudara kita yang kekurangan dan mengharapkan pertolongan, baik wang ringgit mahupun tenaga fikiran atau sumbangan semangat.

Makin banyak kesulitan-kesulitan yang menimpa, makin banyak hati yang mengharapkan pertolongan dan akan terasa bahawa dunia lapang dan bersuasana lega, jika amalan bertolong-tolongan dalam masyarakat hidup, mahu sakit dan senang senasib sepenanggungan.

Hal yang demikian adalah suatu kewajipan dalam alam kehidupan. Agama menganjurkan berulang kali, baik dalam al-Qur'ān al-karīm mahupun dalam hadis Nabi.

Dalam Sūrah al-Mā'idah, Tuhan berfirman, ertinya:

> Bertolong-tolonganlah kamu dalam kebaikan dan takwa, dan jangan kamu bertolong-tolongan dalam melakukan kejahatan dan permusuhan.

Walau pertolongan-pertolongan itu adalah tanda adanya peri kemanusiaan sesama manusia, tetapi Tuhan memberi saluran yang sebaik-baiknya supaya amalan bertolong bantu itu ditujukan semata-mata untuk kebaikan sesama manusia dan mendampingkan diri kepada Tuhan. Jangan sekali-kali bertolong-tolongan untuk memperbanyak kejahatan, maksiat, perbuatan yang mungkar, dan apalagi persengketaan dan permusuhan.

Sifat tolong-menolong itu ialah tanda kesucian budi dan ketinggian akhlak, tetapi bawakanlah dia kepada usaha yang menyemaikan kebaikan. Kalau tidak, yakni bertolong bantu untuk kejahatan, maka si penolong itu sendiri akan ditelan oleh kejahatan itu.

Hidup bertolong bantu ialah kelaziman hidup orang yang beriman dan pakaiannya hari-hari. Tidak sia-sia Nabi kita memberi gambaran dalam hadis, riwayat Bukhārī, ertinya:

> Orang Mukmin itu dalam berkasih sayang dan berambilan kasih, tidak ubahnya dengan satu tubuh, apabila satu anggotanya merasa sakit maka seluruhnya ikut merasa kesakitan itu.

Oleh sebab itu dalam keadaan kita banyak sekali mengalami kesulitan-kesulitan hari-hari, dan dalam pergolakan haqq dan bāṭil, ma'rūf dan munkar, maka marilah kita



Guru-guru pelatih agama daerah Brunei bergambar. Kenangan kerana memberi selamat bercuti kepada guru mereka, Cikgu Abdul Rahman bin Haji Hashim (duduk tengah-tengah) yang akan balik ke Tanah Melayu.

memperkukuh hidup bertolong-tolongan dengan seberapa yang boleh. Bahkan kata-kata yang sopan dan keluar dari hati yang jujur untuk membukakan jalan bagi teman yang sedang susah hidupnya, adalah juga suatu contoh bertolong bantu, apa lagi dengan wang dan tenaga.

Dalam keadaan sesak sukar, baharu diketahui siapa sahabat yang sebenarnya, demikian kata peribahasa.

Kalau bertolong-tolongan bukan untuk kebaikan dan takwa sudah dilarang oleh Tuhan, betapa lagi kalau hidup menekan orang lain, baik dalam perniagaan, pekerjaan, perusahaan dan dalam pergaulan masyarakat. Kerana ini makin membanyakkan persengketaan dan permusuhan.

Dalam semua ini, sebaik-baiknyalah kalau kita memperhebat hidup tolong menolong sesama kita, supaya wujudlah ukhuwwah (persaudaraan) yang menjadi sandaran bagi umat kita yang besar itu.

Banyak jalan yang dapat dilalui bagi melaksanakan bertolong-tolongan, sebagaimana banyaknya jalan-jalan bagi menekan sahabat dan teman sendiri. Maka di sinilah terletak nilai kita manusia yang berakal dan beradab.

(Demikian menurut pati huraian al-Ustaz Muḥammad ‘Ali al-Hamīdī).